

UUM Terima Kunjungan Dari Bangladesh

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 10 Julai 2011 18:15

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

10 JULAI 2011/ 8 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nasiha Abdul Rashid

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM TERIMA KUNJUNGAN DARI BANGLADESH

UUM ONLINE: Seramai 17 pegawai pendidikan daripada kementerian pendidikan Bangladesh sedang mengikuti program *Inclusive Education*, anjuran Uniutama Management Holdings Sdn Bhd (UMHSB) yang berlangsung selama enam minggu, bermula dari 27 Jun hingga 5 Ogos di Taman Siswa, Jitra, di sini.

Mereka terdiri daripada seorang penolong pengarah di Kementerian Pendidikan Bangladesh, tiga pengetua sekolah menengah dan selebihnya adalah guru sekolah dari seluruh negara ini yang berkursus di universiti ini.

Pensyarah College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS), Muhammad Fauzi Mokhtar dan Pensyarah College of Art and Science (UUM CAS), Azahar Kasim membawa delegasi ini melawat ke Galeri UUM, Dewan Muadzam Shah, Pusat Sukan, Varsity Mall, Dewan Penginapan Pelajar dan dewan kuliah.

Menurut Fauzi Mokhtar, mereka telah dibawa melawat beberapa agensi kerajaan sepanjang dua minggu lepas antaranya sekolah orang asli di Cameron Highland iaitu Sekolah Kebangsaan Menson, Sekolah Menengah Sultan Ahmad Shah, serta beberapa agensi kerajaan di sekitar Putrajaya.

Tambah beliau, lima daripada peserta ini terdiri daripada kaum Chamka iaitu kaum orang asli yang tinggal di penempatan tanah tinggi, Utara Bangladesh.

"Sebelum mengunjungi UUM kampus Sintok, mereka telahpun mengikuti kelas di UUM cawangan Kuala Lumpur di mana kesempatan berada di sana digunakan sebaiknya untuk melawat agensi-agensi kerajaan di negara ini," katanya.

Antara tenaga pengajar yang terlibat dalam program *Inclusive Education* ini ialah Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Raudhah Majid; Mantan Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran, Dato' Dr Ahamad Sipon; Pensyarah UUM, Prof Madya Dr Noraini Yusof dan bekas Pengurus Besar EDC-UUM, Suzzaini Abdullah.